

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL TARI KEBANGSAAN
Lokasi : AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Tarikh : 30-05-1994

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.A.W. kerana dengan limpah dan perkanannya saya dapat bersama dengan saudara-saudari pada malam yang indah ini.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah mengundang saya ke Majlis Perasmian Festival Tari Kebangsaan dan seterusnya merasmikan Festival ini. Kepada pihak penganjur dan ahli-ahli jawatankuasa saya ucapkan tahniah di atas daya usaha menganjurkan Festival Tari Kebangsaan seumpama ini.

2. Seni tari adalah salah satu seni persembahan yang telah wujud sekian lama, sejak berszaman lagi di rantau ini khususnya di negara kita. Seni tari seharusnya dianggap bukan sahaja sebagai seni persembahan yang bercorak hiburan tetapi sebagai satu seni yang lengkap yang juga mengandungi di dalamnya falsafah, disiplin, rekreasi dan lain-lain nilai murni bangsa kita.

3. Bagi meneruskan tradisi keilmuan dalam seni tari, kita akan menghadapi tiga tahap keilmuan iaitu tahap tahap pembelajaran seni tari, tahap mempelajari simbol-simbol dalam tari dan akhir sekali ialah falsafah tari. Kalau ini diisikan dalam jiwa generasi kita, saya yakin kita akan mempunyai generasi yang betul-betul kuat dan mantap bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Dengan pembelajaran yang lengkap ini akhirnya kita akan mempunyai insan seni yang bermaruah, berilmu dan berhemah.

4. Seni tari mempunyai sifat-sifat yang baik seperti berdisiplin, kerjasama, harmoni, ketetapan masa dan sebagainya yang boleh dijadikan amalan hidup seharian.

Contoh ini jelas dan boleh digunakan oleh penari. Satu persembahan tarian yang baik akan mempunyai nilai-nilai yang disebut sebentar tadi. Tanpa nilai-nilai tersebut persembahan akan menjadi kucar-kacir, tidak bermaya dan membosankan.

5. Saya adalah berharap bahawa seni tari akan berkembang di tanah air kita dengan adanya kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Festival Tari 1994 pada malam ini.